



PEJABAT RESIDEN BAHAGIAN LIMBANG,
TINGKAT 6, LIMBANG PLAZA,
98700 LIMBANG,
SARAWAK.

Telefon Am: 085-202106 No. Faks: 085-216 005
PA Residen: 085-202101
Pembangunan: 085-202105



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : (3) PRL600-573/1 Jld. 5
Tarikh : 08 Mac 2021

Tuan / Puan,

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN MENCIPTA MONTAJ PENDEK
PELANCONGAN DI BAHAGIAN LIMBANG**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Jawatankuasa Petugas Pelancongan Bahagian Limbang (DTTG) dalam usaha untuk menghasilkan video pendek bertajuk "*The Beauty of Sarawak Nothernmost*" bagi memperkenalkan produk-produk pelancongan di Bahagian Limbang.
3. Sehubungan itu, bagi mempelbagaikan lagi kreativiti kepada video yang dihasilkan kelak, Jawatankuasa Khas Pembikinan Video Pendek Bagi Tujuan Mempromosikan Industri Pelancongan Khas di bawah DTTG telah bersetuju untuk menganjurkan Pertandingan Mencipta Montaj Pendek Pelancongan Di Bahagian Limbang secara terbuka kepada penjawat-penjawat awam dan orang awam untuk menyumbangkan idea dan kreativiti kepada penghasilan **montaj pendek berdurasi 15-20 saat sahaja yang akan dijadikan sebagai "introduction" kepada video pendek tersebut.**
4. Bersama-sama ini turut dilampirkan borang penyertaan dan syarat pertandingan untuk rujukan selanjutnya. Lampiran ini juga boleh diakses melalui laman web rasmi Pejabat Residen Limbang iaitu: limbang.sarawak.gov.my
5. Kerjasama dan sokongan daripada pihak Tuan/ Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"


"AN HONOUR TO SERVE"

(HAJI SEBI BIN HAJI ABANG)
Pemangku Residen Bahagian Limbang,
LIMBANG.

Urusetia:-

1. Cik Elizabeth Anak Bujang (No. telefon: 085-202116)
2. Encik Alameen Bin Abdul Majeed (No. telefon: 085-202105)
3. Cik Gracia John (No. telefon: 085-202105)





Pertandingan Mencipta Montaj Pendek Pelancongan Bahagian Limbang

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PENGHASILAN MONTAJ

1. Penyertaan adalah secara individu.
2. Tema montaj adalah **"The Beauty of Sarawak Northernmost"**.
3. Tayangan hendaklah memaparkan keunikan serta mengandungi mesej yang berunsurkan perihal pelancongan di bahagian Limbang (Limbang dan Lawas).
4. Pelbagai perisian multimedia boleh digunakan (Movie Make, Power Director, dll) serta elemen multimedia digalakkan untuk dimasukkan dalam karya anda.
5. Hasil karya mestilah bersifat karya asal atau **ASLI**.
6. Durasi tayangan montaj adalah antara **15-20 saat**.
7. **Setiap karya yang dihantar berhak diguna, disiarkan atau dicetak oleh pihak penganjur dalam segala bentuk media dan hak cipta karya adalah hak milik Jawatankuasa Petugas Pelancongan Bahagian Limbang.**
8. Borang penyertaan boleh didapati secara atas talian di laman web berikut: **limbang.sarawak.gov.my** mulai **8 Mac 2021**.
9. Borang penyertaan peserta dan montaj yang telah siap hendaklah dihantar ke emel **elizebeb@sarawak.gov.my/alameen_am@sarawak.gov.my** selewat-lewatnya pada **20 Mac 2021 jam 12.00 tengahari**.
10. Pemenang akan dihubungi oleh pihak penganjur untuk urusan penyampaian hadiah.
11. Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Cik Elizabeth Anak Bujang di talian 085-202116, Encik Alameen Bin Abdul Majeed dan Cik Gracia John 085-202105

HADIAH PERTANDINGAN

JOHAN	: RM 200.00 BESERTA BAUCER PENGINAPAN DI HOTEL PURNAMA LIMBANG/ 2 HARI 1 MALAM
NAIB JOHAN	: RM 150.00 BESERTA BAUCER PENGINAPAN DI HOTEL PURNAMA LIMBANG/ 2 HARI 1 MALAM
TEMPAT KE-3	: RM 100.00 BESERTA BAUCER PENGINAPAN DI HOTEL PURNAMA LIMBANG/ 2 HARI 1 MALAM



**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA MONTAJ
PENDEK PELANCONGAN BAHAGIAN LIMBANG**

1. BUTIRAN PESERTA

NAMA	
NO K/P	
ALAMAT	
NO TELEFON	
EMEL	

2. PENGAKUAN PESERTA

Adalah dengan ini, saya memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan sebelum ini.

Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan serta merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju jika hasil karya saya terpilih, karya ini akan menjadi HAK MILIK Jawatankuasa Petugas Pelancongan Bahagian Limbang sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Tarikh :

